

**FBS**

Always  
by your side

# Dasar AML

**FBS Markets Inc**

2118, Guava Street, Belize

Belama Phase 1, Belize

# KANDUNGAN

1. PENGENALAN .....	2
2. PERTIMBANGAN RISIKO .....	3
3. PENGENALPASTIAN DAN PENGESAHAN KLIEN (KYC DAN CDD) .....	7
4. PINDAAN KEPADA DASAR INI.....	9
5. DEFINISI.....	9
6. HUBUNGI KAMI.....	11
JADUAL 1.....	12

Kemaskini Terakhir: Jun 2023

## 1. PENGENALAN

- (1) **FBS Markets Inc** (selepas ini dirujuk sebagai “**Syarikat**”, “**kami**” atau “**kita**”) dikawal selia oleh Financial Services Commission (Belize) (selepas ini “**FSC**”) di bawah lesen bernombor IFSC/000102/460 dan diperbadankan di Belize dengan Perakuan Pemerbadanan No. 000001317.
- (2) Pejabat Perniagaan Syarikat beralamat di 2118, Guava Street, Belize Belama Phase 1, Belize.
- (3) Selaras dengan undang-undang yang ada, Syarikat telah menetapkan dasar dan prosedur untuk mencegah aktiviti pengubahan wang haram yang bertujuan untuk mematuhi prinsip-prinsip kenali pelanggan anda, memantau aktiviti Klien dan menyimpan rekod yang sesuai.
- (4) Sila baca Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram ini dengan teliti sebelum menandatangani Perjanjian atau terlibat dengan apa cara sekalipun dengan Syarikat. Anda dikehendaki membaca dan memahaminya sebelum menggunakan mana-mana Perkhidmatan. Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan tentang mana-mana kandungan dokumen ini, anda harus mendapatkan nasihat profesional yang bebas.
- (5) Perkhidmatan kami tidak ditawarkan kepada mana-mana pemastautin atau mana-mana orang yang berada atau berdomisil di bidang kuasa terlarang seperti yang ditentukan dalam dasar ini, dan juga mana-mana rantau atau mana-mana negara atau wilayah yang tertakluk pada sekatan seluruh negara atau seluruh wilayah, dan juga mana-mana orang atau entiti yang tertakluk pada sekatan.
- (6) Sejar dengan semua syarat dan peraturan kawalan selia, seperti mengenal pasti dan mengenali klien kami:
  - (i) Syarikat tidak membenarkan pembukaan akaun secara tanpa nama atau tidak bernombor;
  - (ii) Syarikat tidak akan membuka akaun untuk mereka yang mempunyai rekod jenayah, sedang disiasat atau sedang menjalani hukuman penjara;



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

- (iii) Syarikat perlu mengenal pasti, memantau dan melaporkan mana-mana dan semua transaksi yang mencurigakan;
  - (iv) Syarikat perlu menyimpan semua rekod transaksi untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun selepas penamatan hubungan kontrak dengan klien;
  - (v) Syarikat perlu menyediakan latihan berterusan kepada kakitangannya untuk mengupayakan pengesanan dan pelaporan mana-mana transaksi yang mencurigakan kepada pihak berkuasa seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan;
  - (vi) Syarikat berhak untuk meminta dan mengesahkan bukti pengenalan diri daripada kliennya sebelum membukakan akaun dan memproses pembayaran;
  - (vii) Syarikat akan menolak pemberian akses ke platform perdagangan dan pemindahan dana kepada Klien pada bila-bila masa jika Klien tersebut disyaki dan/atau dikenal pasti, dengan apa cara sekalipun, dikaitkan dengan aktiviti jenayah atau pengubahan wang haram.
- (7) Semua Klien diwajibkan mematuhi dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) Syarikat. Dengan mengesahkan pendaftaran akaun, Klien bersetuju tanpa syarat untuk mematuhi semua syarat dasar AML Syarikat.
- (8) Sebagai ahli komuniti kewangan yang bertanggungjawab dan boleh dipertanggungjawabkan, Syarikat melaksanakan semua usaha yang mungkin untuk melindungi Klien kami dan mengekalkan reputasi kukuh kami berkenaan pencegahan pengubahan wang haram (AML) / pencegahan pembiayaan keganasan (CTF) dan langkah-langkah sekatan kewangan antarabangsa.

## 2. PERTIMBANGAN RISIKO

- (1) Objektif keseluruhan di sini ialah kami harus memahami siapa sekutu-sekutu kami, di mana mereka beroperasi, apa yang mereka lakukan, dan jangkaan tahap aktiviti mereka dengan kami dari awal lagi sebelum hubungan dimulakan. Terdapat risiko tambahan yang perlu dipertimbangkan berkenaan kedudukan bidang kuasa yang terlibat, peraturan-peraturan dan pendirian berkenaan risiko yang wujud berkaitan dengan pengubahan wang haram (ML) dan pembiayaan keganasan (TF), dan keberkesanan rejim penguatkuasaan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) bidang kuasa tersebut.
- (2) Pengubahan wang haram (ML) ialah proses menyembunyikan atau percubaan untuk menyembunyikan asal usul sebenar dan pemilikan hasil aktiviti jenayah dalam usaha untuk menghalalkan dana tersebut.

Ia boleh dilakukan dalam tiga peringkat:

- Penempatan – pelupusan fizikal hasil wang tunai yang diperoleh daripada aktiviti jenayah. Antara lain, penempatan mungkin melibatkan penukaran hasil kepada instrumen kewangan atau deposit bank dengan cara yang tidak akan menimbulkan syak wasangka.



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

- Pelapisan – mengasingkan hasil yang haram daripada sumbernya dengan mencipta lapisan kompleks transaksi kewangan yang direka untuk menyamarkan jejak audit dan memberikan ketanpanamaan; dan
  - Pengintegrasian – memberi tanggapan keabsahan ke atas wang yang diperoleh daripada jenayah. Jika proses pelapisan berjaya, skim pengintegrasian mengembalikan hasil pengubahan wang haram ke dalam ekonomi dengan cara yang mana ia memasuki semula sistem kewangan dengan rupa seolah-olah ia dana perniagaan biasa.
- (3) Pembiayaan Keganasan (TF). Pembiayaan keganasan bererti peruntukan atau pungutan dana melalui apa cara sekalipun, secara langsung atau tidak langsung, dengan niat agar ia digunakan atau dengan pengetahuan bahawa ia akan digunakan, sepenuhnya atau sebahagiannya, untuk melakukan apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan keganasan.
- (4) Terdapat faktor-faktor yang menimbulkan kemungkinan risiko aktiviti ML/TF yang lebih tinggi, seperti lokasi geografi, sekutu dan jenis perkhidmatan yang disediakan. Semasa penilaian risiko ML/TF, faktor-faktor yang dinyatakan di atas dianggap sebagai keutamaan untuk mengenal pasti pembolehubah risiko. Semasa mempertimbangkan faktor-faktor ini, kami harus memastikan pertimbangan tidak dipengaruhi oleh hanya satu faktor, pertimbangan ekonomi atau keuntungan tidak mempengaruhi penarafan risiko, dan situasi-situasi yang dikenal pasti oleh perundangan negara atau penilaian risiko sentiasa membawakan risiko pengubahan wang haram yang tinggi tidak boleh kami tolak.
- (5) Sementara itu, terdapat beberapa keadaan bilamana risiko pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan mungkin lebih rendah. Dalam keadaan tersebut, dengan syarat analisis risiko yang mencukupi telah dijalankan, kami boleh menggunakan langkah-langkah CDD (usaha wajar pelanggan) yang diringkaskan: negara pemerbadanan dengan risiko rendah ML/TF, atau sekutu-sekutu yang mempunyai hubungan perniagaan jangka panjang dan aktif dengan kami. Namun demikian, penilaian suatu bidang kuasa sebagai berisiko rendah hanya membolehkan sedikit pelonggaran ke atas tahap usaha wajar yang dijalankan – ia bukanlah satu pengecualian penuh daripada pelaksanaan langkah-langkah CDD berkenaan dengan pengenalpastian ahli sekutu.
- (6) Prosedur paling penting yang dilaksanakan oleh Syarikat bagi mencapai tujuan ini ialah:
- (i) prosedur pengenalpastian dan usaha wajar terhadap klien;
  - (ii) prosedur penyimpanan rekod berkenaan identiti klien dan transaksi mereka;
  - (iii) prosedur pelaporan dalaman kepada orang yang kompeten (MLRO) yang dilantik untuk menerima dan mempertimbangkan maklumat yang menimbulkan pengetahuan atau syak bahawa klien terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram;
  - (iv) prosedur kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang sesuai, dengan tujuan mencegah aktiviti pengubahan wang haram
  - (v) pemeriksaan terperinci bagi setiap transaksi yang, lantaran kerana sifatnya, dianggap mudah terdedah kepada pengubahan wang haram, terutamanya transaksi yang rumit atau luar biasa besar dan transaksi yang berlaku tanpa tujuan kewangan atau undang-undang yang jelas;



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

- (vi) langkah-langkah untuk memastikan pekerja menyedari prosedur di atas untuk mencegah pengubahan wang haram dan undang-undang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram; dan
  - (vii) penyediaan latihan tetap kepada pekerja untuk membantu mereka mengenal dan mengendalikan transaksi yang disyaki berkaitan dengan pengubahan wang haram.
- (7) Kami akan menjalankan KYC/CDD kami dan pemantauan aktiviti berdasarkan pendekatan yang berasaskan risiko:
- (i) untuk sesetengah Klien, yang kami putuskan menunjukkan risiko ML/TF yang rendah, KYC/CDD dan pemantauan yang diringkaskan boleh dilaksanakan;
  - (ii) untuk profil berisiko tinggi, langkah-langkah KYC/CDD yang dipertingkatkan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, butiran pengesahan tambahan atau bukti tambahan untuk sumber dana) dan pemantauan yang dipertingkatkan akan dilaksanakan.
- (8) Jika risiko ML/TF adalah lebih tinggi, kami mesti melaksanakan langkah-langkah usaha wajar yang dipertingkatkan dan konsisten dengan risiko yang dikenal pasti. Secara khususnya, kami harus meningkatkan tahap dan kesungguhan penentuan tentang suatu hubungan perniagaan. Contoh langkah-langkah usaha wajar yang dipertingkatkan (EDD) yang mesti dilaksanakan untuk hubungan perniagaan berisiko tinggi termasuk:
- (i) mendapatkan dan, jika wajar, mengesahkan maklumat tambahan tentang bakal Klien dan mengemas kini dengan lebih kerap pengenalanpastian bakal Klien tersebut dan mana-mana pemilik benefisiari;
  - (ii) mendapatkan maklumat tambahan tentang sifat hubungan perniagaan yang dimaksudkan;
  - (iii) mendapatkan maklumat tentang sumber dana bakal Klien;
  - (iv) mendapatkan maklumat tentang sebab-sebab untuk transaksi yang dimaksudkan atau dilaksanakan;
  - (v) mendapatkan kelulusan pihak pengurusan kanan untuk memulakan atau meneruskan hubungan perniagaan.
- (9) Klien yang dianggap berisiko tinggi adalah, tetapi tidak terhad kepada:
- (i) klien dengan proses pengesahan identiti yang tidak lengkap;
  - (ii) klien yang mempunyai percanggahan dalam dokumen dan maklumat ID (pengenalan diri) yang diberikan;
  - (iii) klien yang layak sebagai Orang Terdedah Secara Politik (Politically Exposed Persons) (PEP) atau orang yang dikenali sebagai sekutu rapat PEP;
  - (iv) klien yang telah didakwa atas jenayah kewangan;
  - (v) Klien yang tersenarai dalam senarai pengganas yang dikehendaki dan/atau senarai sekatan yang lain:senarai sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disatukan, senarai orang, kumpulan dan entiti Kesatuan Eropah disatukan, senarai sekatan Pejabat Kawalan Aset Asing, Jabatan Perbendaharaan AS, senarai Rangkaian Penguatkuasaan Jenayah Kewangan (FinCEN), Jabatan



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

Perbendaharaan, Pejabat Pelaksanaan Sekatan Kewangan, Perbendaharaan UK (HMT), “senarai sasaran disatukan”).

- (10) Apabila berurusan dengan potensi risiko pengubahan wang haram (ML) bagi Klien yang ditentukan sebagai berisiko lebih tinggi lanjutan daripada proses penilaian risiko kami, kami boleh melaksanakan satu atau lebih daripada langkah-langkah dan kawalan berikut:
- (i) keawasan yang lebih tinggi oleh kami mengenai situasi berisiko lebih tinggi dalam aspek perniagaan keseluruhan Syarikat;
  - (ii) tahap KYC atau CDD yang dipertingkatkan;
  - (iii) kelulusan pada tahap yang lebih tinggi untuk penjalinan suatu hubungan perniagaan;
  - (iv) pemantauan transaksi yang dipertingkatkan; dan
  - (v) tahap semakan dan kawalan berterusan ke atas hubungan perniagaan yang dipertingkatkan.
- (11) Penggunaan Kriteria Risiko Langkah-langkah dan kawalan yang sama biasanya boleh menangani lebih daripada satu kriteria risiko yang dikenal pasti, dan kami tidak semestinya menggunakan kawalan khusus yang menyasarkan setiap satu kriteria risiko yang ditetapkan dalam Dasar KYC/AML ini.
- (12) Menerima dana yang boleh dibayar melalui akaun dan 'bank cangkerang' (shell bank) atau mana-mana institusi kewangan daripada Bidang Kuasa Terlarang adalah dilarang. Kami akan melaporkan semua transaksi yang melibatkan bank dan wilayah yang mencurigakan. Klien dilarang menggunakan Perkhidmatan kami untuk aset yang diterima daripada mana-mana perkhidmatan dan produk yang haram atau dengan cara lain dilarang di bawah undang-undang yang berkenaan.
- (13) Bidang Kuasa Terlarang. Kami tidak menyediakan Perkhidmatan kepada mana-mana warganegara atau pemastautin (secara cukai atau dengan cara lain) dari mana-mana bidang kuasa yang merupakan:
- Bidang Kuasa Terlarang;
  - mana-mana negara atau wilayah yang tertakluk pada sekatan seluruh negara atau seluruh wilayah.
- (14) Oleh itu, kami menafikan pemeteraian Perjanjian dan penyediaan Perkhidmatan kepada mana-mana orang sebenar atau entiti sah apabila prosedur KYC dan CDD mengenal pasti bakal Klien atau Klien sedia ada sebagai warganegara atau pemastautin bidang kuasa yang disenaraikan di sini.
- (15) Klien hendaklah mengandaikan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Syarikat adalah tersedia kepada pihak berkuasa kawal selia yang kompeten di:
- negara Syarikat diperbadankan;
  - negara asal usul mana-mana dana yang dihantar kepada Syarikat; dan
  - negara destinasi mana-mana dana yang dibayar balik oleh atau dikeluarkan dari Syarikat.
- (16) Bayaran pihak ketiga atau tanpa nama tidak akan diterima. Jika Syarikat tidak yakin bahawa Klien adalah penghantar wang berkenaan, ia berhak untuk menolak deposit tersebut dan



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

memulangkannya kepada pengirim ditolak sebarang yuran pindahan atau caj lain. Syarikat juga berhak untuk menamatkan akaun anda yang dipegang dengan kami berkuat kuasa serta merta.

### 3. PENGENALPASTIAN DAN PENGESAHAN KLIEN (KYC DAN CDD)

- (1) Objektif KYC dan CDD ialah untuk mengenal pasti Klien dan mengesahkan identiti mereka. Kami boleh meminta anda sama ada ketika pendaftaran sebagai Klien atau secara berkala untuk tujuan mengemas kini rekod dan CDD serta prosedur yang berterusan untuk menyediakan Maklumat ID dan dokumen tertentu.

Orang sebenar boleh dikehendaki menyediakan dokumen berikut:

- (i) pasport negara atau salinan yang diperakui notari;
- (ii) bukti alamat mastautin (perakuan mastautin, bil utiliti atau penyata bank dengan butiran alamat kediaman) atau terjemahan yang diperakui notari yang dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh ia diberikan kepada kami;
- (iii) perjanjian sewa yang belum tamat tempoh untuk premis;
- (iv) kad pengenalan yang sah untuk pemastautin asing atau lesen memandu yang sah.

Entiti sah boleh dikehendaki menyediakan dokumen berikut:

- (i) petikan daripada pendaftar syarikat yang telah diperakui (atau dokumen yang setara dengannya) dalam bahasa Inggeris;
- (ii) undang-undang kecil dalam bahasa Inggeris;
- (iii) sijil saham;
- (iv) resolusi pelantikan pengarah;
- (v) pasport pengarah Klien atau salinannya yang diperakui notari dengan apostil;
- (vi) pasport pemilik benefisiari Klien;

Sekiranya pengarah atau pemilik Klien adalah suatu entiti sah, dan Klien juga suatu entiti sah, semua dokumen yang dinyatakan di atas mesti diberikan.

Pengarah syarikat:

Pengarah syarikat, dan juga orang lain dengan kawalan yang signifikan, adalah tertakluk pada prosedur pengesahan usaha wajar yang dipertingkat, termasuk saringan terhadap senarai sekatan dan PEP. Apabila orang lain mengendalikan aset di bawah surat kuasa wakil, orang tersebut, begitu juga pengarah syarikat, harus menjalani saringan terhadap senarai sekatan dan PEP.

Benefisiari (pemilik benefisial)

Peraturan pengubahan wang haram mentakrifkan pemilik benefisial sebagai individu yang memiliki atau mengawal lebih daripada 25% badan korporat atau perkongsian atau dengan cara lain memiliki atau mengawal rakan kongsi. Individu-individu ini mesti dikenal pasti, dan langkah-



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

langkah yang munasabah mesti diambil untuk mengesahkan identiti mereka. Adalah wajib untuk mengetahui nama semua pemilik benefisial individu yang memiliki atau mengawal lebih 25% daripada saham syarikat itu atau hak mengundi (walaupun kepentingan dipegang secara tidak langsung) atau sesiapa yang dengan cara lain mempunyai kawalan ke atas pengurusan syarikat.

Kewajipan untuk mengesahkan identiti pemilik benefisial adalah bertujuan untuk membolehkan syarikat kami melakukan langkah-langkah yang munasabah agar kami dapat mengetahui siapa pemilik benefisial dengan puas hati. Terserah sepenuhnya kepada kami untuk membuat keputusan sama ada ia wajar, dalam mempertimbangkan risiko perubahan wang haram atau pembiayaan keganasan yang berkaitan dengan hubungan perniagaan, untuk memanfaatkan rekod pemilik benefisial dalam domain awam, meminta ahli sekutu kami untuk data-data yang relevan, dan meminta bukti identiti pemilik benefisial berdasarkan maklumat dokumen yang diperoleh daripada sumber yang boleh dipercayai, bebas dan tiada hubungan dengan ahli sekutu, atau memperoleh maklumat tersebut dengan cara-cara yang lain.

Dalam situasi berisiko rendah, mengesahkan identiti pemilik benefisial berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh ahli sekutu boleh dianggap munasabah. Ini mungkin termasuk maklumat yang diberikan oleh ahli sekutu (termasuk pemegang amanah atau wakil lain dengan identiti yang telah disahkan) berkenaan identiti mereka dan pengesahan bahawa mereka dikenali oleh ahli sekutu.

- (2) Semua dokumen yang disediakan oleh Klien kepada Syarikat mestilah:
  - (i) dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerintah;
  - (ii) mengandungi gambar pemegang, nama penuh, nombor dokumen atau nombor peribadi pemegang, dan tarikh lahir (tanpanya, kami akan meminta dokumen tambahan, jika ada, dengan tarikh lahir yang ditetapkan);
  - (iii) adalah sah dan terkini.
- (3) Jika identiti disahkan secara elektronik, kami berhak melakukan semakan pengesahan tambahan untuk menguruskan risiko penipuan penyamaran. Sebagai contoh, salah satu semakan ini mungkin memerlukan salinan dokumen untuk diperakui oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- (4) Pensahihan Pihak Ketiga. Sebagai sebahagian daripada proses pengesahan, kami berhak untuk meminta satu atau lebih penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk membantu kami dengan pensahihan (authentication) dan/atau pengesahan (verification) dokumen sah dan butiran sampingan lain yang diberikan oleh anda.
- (5) Sumber Bebas. Kami berhak untuk menjalankan pengesahan identiti dengan mengesahkan dan membandingkan beberapa Maklumat ID dengan dokumen atau maklumat yang diperoleh daripada sumber yang boleh dipercayai, dan bebas daripada Klien.
- (6) Pensahihan Melalui Lawatan. Kami berhak untuk melawat tempat di mana anda atau orang yang mengawal atau pemilik benefisial aset menjalankan aktiviti perniagaan anda/mereka.
- (7) KYC/CDD Dipertingkat. Sebagai tambahan kepada prosedur KYC/CDD yang standard, kami juga berhak untuk melaksanakan langkah-langkah KYC/CDD tambahan yang digariskan dalam Dasar KYC/AML ini apabila:
  - terdapat syak ML/TF, tanpa mengira mana-mana pengurangan, pengecualian atau ambang;
  - terdapat keraguan tentang ketepatan atau kecukupan dokumen dan Maklumat ID yang diperoleh sebelumnya;



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)



## Dasar AML

- anda telah memberikan Maklumat ID atau dokumen yang baharu.
- (8) Kemas Kini Maklumat. Untuk tujuan pelaksanaan Dasar KYC/AML ini dan mitigasi risiko ML/TF, dan bagi memastikan bahawa maklumat yang kami miliki mengenai anda adalah sentiasa tepat dan terkini, anda dikehendaki menyediakan Maklumat ID yang dikemas kini dan dokumen yang berkenaan untuk terus menggunakan Perkhidmatan kami dalam mana-mana kes berikut:
- pada bila-bila masa, anda memperoleh dokumen pengenalan diri yang baharu selain daripada dokumen yang sebelumnya;
  - pada bila-bila masa, anda menukar nombor pengenalan diri anda (jika berkenaan);
  - pada bila-bila masa, anda menukar nama anda atau sebahagian daripadanya;
  - pada bila-bila masa, anda menukar nombor telefon, alamat e-mel atau alamat kediaman anda;
  - pada bila-bila masa, terdapat pengarah dan/atau pemilik benefisial Klien yang baharu (jika Klien ialah entiti sah).
- Semasa menggunakan Perkhidmatan kami, anda juga akan diminta untuk mengemas kini maklumat ID anda:
- sekali setiap 12 bulan jika anda adalah Klien Profil Berisiko Rendah dan Sederhana;
  - sekali setiap 6 bulan jika anda adalah Klien Profil Berisiko Tinggi.
- (9) Kami berusaha sedaya upaya kami untuk melindungi Maklumat ID anda dan menyediakan dokumen mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan.

## 4. PINDAAN KEPADA DASAR INI

- (1) Kami berhak untuk mengemas kini Dasar KYC/AML ini pada bila-bila masa berkuat kuasa serta-merta dengan menerima pakai versi Dasar yang dikemas kini. Semua perubahan sedemikian akan berkuat kuasa sebaik sahaja diluluskan oleh wakil Syarikat yang dibenarkan dan dikemas kini di laman web Syarikat. Jika anda terus menggunakan Perkhidmatan, anda dianggap telah menerima mana-mana perubahan tersebut. Jika keadaan mengizinkan, Syarikat boleh memberi notis tentang perubahan pada Dasar KYC/AML kepada anda melalui e-mel kepada alamat e-mel terakhir anda yang diketahui, notis tersebut berkuat kuasa serta-merta.
- (2) Adalah penting agar anda menyemak Dasar KYC/AML ini secara berkala untuk memastikan anda membiasakan diri dengan terma-terma yang berkuat kuasa dan/atau apa-apa perubahan yang dibuat padanya. Jika anda tidak bersetuju dengan mana-mana pindaan, anda mesti berhenti menggunakan Perkhidmatan kami dan hubungi kami untuk menamatkan Perjanjian.

## 5. DEFINISI

**Perjanjian** bermaksud perjanjian pengurusan aset yang dimeteraikan antara anda dan Syarikat.



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

**AML/CTF** bermaksud pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan.

**CDD** bermaksud usaha wajar pelanggan.

**Klien atau anda** bermaksud orang sebenar atau entiti sah yang menggunakan Perkhidmatan.

**Syarikat, kami atau kita** ertinya FBS MARKETS Inc dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan (Belize) di bawah lesen bernombor IFSC/000102/460 dan diperbadankan di Belize dengan Perakuan Pemerbadanan No. 000001317.

**Maklumat ID** ertinya maklumat yang kami peroleh mengenai anda untuk menyediakan Perkhidmatan kepada anda, yang mungkin termasuk:

- (i) untuk orang sebenar: nama penuh sah, tarikh lahir, pasport negara atau nombor pengenalan lain yang sah, tarikh dan tempat pengeluaran dan tarikh tamat dokumen tersebut, gelaran, jantina, alamat kediaman, nombor telefon, alamat e-mel, status perkahwinan, nama jawatan atau profesion dan maklumat pengenalan diri lain yang mungkin diperlukan oleh kami;
- (ii) untuk entiti sah: nama entiti, alamat pendaftaran, bidang kuasa pemerbadanan, nombor pendaftaran, nombor cukai (jika berkenaan), nombor telefon, alamat e-mel, maklumat tentang pengarah dan pemegang saham, termasuk maklumat yang ditetapkan dalam Fasal 1 dokumen ini.

Jika perlu, kami boleh menyediakan Maklumat ID yang diperlukan kepada anda dalam dokumen KYC yang berasingan. Kami berhak untuk meminta sebarang maklumat tambahan yang kami anggap sesuai pada ketika itu.

**KYC** bermaksud kenali pelanggan anda (know your customer).

**Dasar KYC/AML** bermaksud Dasar Kenali Pelanggan Anda dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram

**Orang Terdedah Secara Politik atau PEP** bermaksud orang sebenar yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi awam yang signifikan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- ketua negara;
- ketua kerajaan;
- menteri dan timbalan menteri;
- ahli parlimen atau badan perundangan yang serupa;
- ahli badan pentadbir parti politik;
- ahli mahkamah agung;
- ahli mahkamah juruaudit atau lembaga bank pusat;
- duta atau chargé d'affaires;
- pegawai berpangkat tinggi dalam angkatan tentera;
- ahli badan pentadbiran, pengurusan atau penyeliaan untuk perusahaan milik kerajaan;
- pengarah, timbalan pengarah atau ahli lembaga atau fungsi yang setara untuk sebuah organisasi antarabangsa, kecuali pegawai berpangkat sederhana atau rendah.

**Bidang Kuasa Terlarang** bermaksud bidang kuasa di mana Syarikat tidak menawarkan Perkhidmatannya atau beroperasi dengan apa cara sekalipun. Senarai penuh Bidang Kuasa Terlarang disenaraikan dalam Jadual 1 Dasar KYC/AML ini.

**Profil Risiko** bermaksud penilaian risiko Profil Klien yang dapat menentukan langkah-langkah usaha wajar mitigasi yang perlu diambil. Profil Klien ialah profil individu Klien yang dikumpulkan berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui pendaftaran dan proses KYC.

**Perkhidmatan** bermaksud perkhidmatan pengurusan aset yang ditawarkan oleh kami.



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

## Dasar AML

**Bank cangkerang** bermaksud bank yang tidak wujud secara fizikal, iaitu pengurusan dan minda yang bermakna yang terletak di suatu negara, dalam negara ia diperbadankan dan dilesenkan, dan ia tidak bersekutu dengan kumpulan kewangan yang dikawal selia yang tertakluk pada penyeliaan bersepadu yang efektif.

**Mata Wang Maya** bermaksud representasi nilai dalam bentuk digital yang tidak dikeluarkan atau dijamin oleh bank pusat atau pihak berkuasa awam, ia tidak semestinya ditambatkan pada mata wang yang sah, dan tidak memiliki status sah sebagai mata wang atau duit tetapi diterima oleh orang sebenar atau orang sah sebagai kaedah pertukaran yang boleh dipindahkan, disimpan dan didagangkan secara elektronik.

## 6.HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut dan/atau mempunyai sebarang pertanyaan tentang KYC, sila ajukan permintaan dan/atau soalan anda kepada [support@fbs.com](mailto:support@fbs.com).



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)

# JADUAL 1

## BIDANG KUASA TERLARANG

1. Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK)
2. Eritrea
3. Emiriah Islam Afghanistan
4. Republik Islam Iran
5. Libya
6. Republik Cuba
7. Republik Iraq
8. Republik Kesatuan Myanmar (sebelum ini Burma)
9. Sudan
10. Syria



Always  
by your side

FBS Markets Inc

Address: 2118, Guava Street, Belize Belama Phase  
1, Belize  
[www.fbs.com](http://www.fbs.com)